

# Asean patut muktamad rundingan FTA dengan EU

## Malaysia mahu laksana perbincangan secara kolektif

Oleh Azli Ayob  
azliayob@bharian.com.my

**D**ATUK Seri Najib Razak menegaskan Malaysia tidak akan mengadakan rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan Kesatuan Eropah (EU) secara bersendirian, tetapi ia akan dilaksanakan secara kolektif menerusi Asean.

“Malaysia berpendirian Asean sepatutnya mengadakan perbincangan dengan EU ke arah memuktamadkan FTA ini. Kami masih lagi berpegang kepada pendirian ini, meskipun ada satu dua negara dalam Asean yang mengadakan rundingan secara individu,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab selepas merasmikan Forum Malaysia-Eropah Forum (MEF) di Kuala Lumpur, semalam.

MEF adalah satu inisiatif tidak berasaskan keuntungan yang menjadi medan dialog antara ahli perniagaan serta profesional Malaysia dan EU ke arah memantapkan hubungan perniagaan antara kedua-duanya.

Turut hadir, Penaung dan Penasihat MEF, Tan Sri Rafidah Aziz; Duta Sweden ke Malaysia, Helena Sangeland dan Pengerusi Sime Darby Bhd, Tun Musa Hitam.

Najib berkata, meskipun Myanmar dianggap boleh menjadi faktor menghalang kepada termeterainya FTA antara EU dengan Asean, permasalahan itu mampu diatasi berdasarkan beberapa perkembangan positif di negara itu sejak kebelakangan ini.

Katanya, sikap Myanmar sendiri yang kini lebih terbuka seperti dilihat daripada pendirian kerajaan tentera

**“**Kami masih lagi berpegang kepada pendirian ini, meskipun ada satu dua negara dalam Asean yang mengadakan rundingan secara individu”

**Najib Razak**  
Perdana Menteri

negara itu yang membayangkan ia mungkin membebaskan ikon prodemokrasi, Aung San Suu Kyi adalah satu petanda positif yang boleh membawa kepada FTA EU-Asean.

“Sudah ada beberapa petanda awal yang baik seperti kemungkinan pembebasan Aung San Suu Kyi dan dasar pentadbiran Obama terhadap isu Myanmar yang sudah berubah sedikit sekarang. 2010 adalah tahun penentu bagi Myanmar. Kita lihat dulu semua perkembangan ini,” katanya.

Terdahulu, Najib dalam ucapannya berkata, perbincangan FTA antara Asean dan EU yang terhenti sebelum ini berikutan wujudnya beberapa kesulitan seperti isu perbezaan budaya dan sebagainya, telah menyebabkan usaha untuk mengadakan rundingan secara telus dan lebih tersusun, semakin sukar.

“Tambahan pula, ada kekhawatiran berhubung isu hak asasi manusia di sebuah negara anggota Asean iaitu Myanmar.

“Saya difahamkan United Kingdom menjelaskan baha-

wa Myanmar tidak sepatutnya mendapat manfaat daripada FTA EU-Asean,” katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan, Malaysia komited sepenuhnya dalam usaha mencari penyelesaian kepada isu itu dan berharap pasukan rundingan daripada kedua-dua belah pihak mempunyai motivasi cukup kuat untuk memulakan semula rundingan secepat mungkin.

“FTA Asean-EU akan bertindak sebagai pintu masuk bagi kedua-dua komuniti meraih manfaat daripada kekayaan kebudayaan, politik, institusi dan peluang ekonomi yang mampu diwujudkan kedua-duanya,” katanya.

Selain itu, Najib berkata, pihak terbabit dalam kegiatan pembalakan kayu tropika di negara ini mematuhi segala peraturan mengikut amalan pembalakan terbaik antarabangsa.

Katanya, langkah itu perlu supaya permasalahan berkaitan isu alam sekitar tidak menjadi penghalang kepada komoditi itu memasuki pasaran EU dan seterusnya boleh menjejaskan hubungan antara Malaysia dengan EU.